

# Pasar Borong KL digempur

DBKL sita barang milik 7 peniaga warga asing, keluarkan enam notis kompaun

Oleh Akif Sayyid Mohd Hazardri  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan tindakan sita ke atas barangan milik tujuh warga asing yang menjalankan perniagaan di sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur, di sini.

Tindakan berdasarkan peruntukan Undang-Undang Kecil (UUK) 3, Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 diambil susulan operasi mengempur warga asing di sekitar pasar borong terbabit, semalam.

Dalam operasi yang turut membabitkan kerjasama Jabatan Kesihatan dan Jabatan Alam Sekitar itu, DBKL memindahkan halangan di tempat awam yang dibina peniaga mengikut Seks-



Penguat kuasa DBKL mengangkut barangan yang disita di sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur, semalam.

(Foto ihsan DBKL)

yen 46(1)(d) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 di Jalan 2/3A, Pusat Bandar Utara.

## Operasi diteruskan

DBKL memaklumkan, sejumlah enam notis kompaun di bawah UUK Pelesenan Tred Perniagaan

& Perindustrian (WPKL) 2016 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dikeluarkan, berserta satu notis penguatkuasaan di bawah Akta Perancangan Wilayah Persekutuan 1982.

Semua barangan yang disita dan dipindah halangan dibawa

ke Stor Sitaan DBKL Jalan Lombong di Taman Miharja Cheras untuk tindakan rekod dan dokumentasi.

Tindakan penguatkuasaan akan diteruskan dari semasa ke semasa dengan kerjasama agensi penguatkuasaan lain selepas ini.